

# YKN sumbang 10 mesin hemodialisis kepada UMS

UB 16.1.16 A6

KOTA KINABALU: Yayasan Kebajikan Negara (YKN) memberi sumbangan sebanyak 10 unit mesin hemodialisis kepada Pusat Dialisis Universiti Malaysia Sabah (UMS), kelmarin.

Sumbangan berkenaan adalah usahasama dipersejui menerusi Memorandum Perjanjian (MoA) kedua-dua pihak.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Harun Abdullah berkata, jalinan kerjasama itu dilihat satu bentuk komitmen yang padu antara UMS bersama YKN dalam menyalurkan bantuan kepada golongan sasar.

"Sebelum ini, perbincangan kedua-dua pihak su-

dah dijalankan dan hari ini (kelmarin), kita akhirnya dapat merealisasikan hasrat menawarkan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan.

"Pusat hemodialisis ini dibuka di Plaza Kingfisher dengan menyediakan 10 unit mesin yang disumbangkan YKN," katanya pada Majlis Menandatangani MOA Usahasama Pusat Hemodialisis UMS dan YKN, di sini kelmarin.

Harun berkata pusat itu dijangka dibuka Februari tahun ini dan beliau memberi jaminan untuk terus menyokong usaha mempertingkatkan perkhidmatan sedemikian

pada masa hadapan bergantung kepada keperluan semasa.

Justeru, beliau berharap agar usaha murni itu akan dapat meringankan beban seterusnya memberi sumbangan kepada masyarakat setempat yang memerlukan.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Kebajikan Negara Datuk Rafek Reshidullah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara Profesor Datuk Sri Dr Abu Hassan Asaari Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr. D Kamarudin D Mudin, dan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah No'man Datuk Ahmad.



**HARUN (dua kiri) bersama Rafek (dua kanan) tengah menandatangani MoA pada majlis berkenaan, kelmarin.**